

Mencari damai di Banjaran Bengoh

Nikmati keindahan alam semula jadi, rasai hidup cara kampung

PADAWAN

“**S**eakan berada di set penggambaran *Jurassic World*,” hati kecil penulis berbisik sendiri ketika berada di dalam bot di tengah-tengah Empangan Bengoh, pengalaman yang begitu mengasyikkan.

Terletak di Padawan, kira-kira sejam perjalanan atau 50 kilometer dari bandar Kuching, ibu negeri Sarawak, empangan ini ternyata amat sesuai untuk mereka yang mencari lokasi

bagi merehatkan minda daripada kesibukan serta suasana hiruk-pikuk kehidupan bandar.

Kaya dengan keindahan alam semula jadi, pelancong yang memilih untuk datang ke sini boleh melakukan aktiviti rekreasi seperti mendaki bukit dan meredah hutan di samping menikmati kehidupan kampung yang menjanjikan pelbagai pengalaman.

Pemandu pelancong tempatan, Joekasi Kosok, 37, yang tinggal di Kampung Sting berhampiran Empangan Bengoh memberitahu, beberapa orang penduduk yang dipindahkan di bawah Skim Penempatan Semula Bengoh (BRS) iaitu Kampung Rejai, Taba Sait dan Pain Bojong menggunakan empangan berkenaan untuk kegiatan pelancongan termasuk menyediakan pakej perkhidmatan bot.

“Dari titik permulaan iaitu jeti Empangan Bengoh, pengunjung boleh ke kawasan Kampung Sting dengan menaiki bot selama 20 minit. Di kampung itu mereka boleh pergi *hiking* dan ke kawasan Air Terjun Susung di samping menikmati landskap alam semula jadi yang indah.

“Mereka juga boleh memilih untuk bermalam di Kampung Sting yang terletak di atas Bukit Butah, di sini dan bayaran untuk perjalanan sehari bermula daripada RM50 seorang,” katanya yang menambah, harga tersebut termasuk upah pemandu pelancong dan perkhidmatan bot serta bayaran masuk ke kampung.

Seperkara yang perlu diingat untuk mereka yang merancang ke kawasan Empangan Bengoh ialah tiada isyarat telefon bimbit atau telefon pintar di kawasan tersebut. Ini bermakna anda tidak akan menerima sebarang notifikasi atau panggilan, justeru sepenuh perhatian boleh ditumpukan kepada keindahan alam semula jadi yang ada di sekeliling anda.

“Boleh dikatakan anak muda se-



FOTO: BERNAMA

Pemandangan Air Terjun Curtain di Banjaran Bengoh, Padawan, Sarawak.

karang macam tak boleh hidup kalau tak ada internet atau WiFi. Itu yang membuatkan mereka meninggalkan kampung. Masih ada juga yang sebaya dengan saya tapi tak ramai, jadi kebanyakan penduduk tempatan yang masih ada di kampung ini dan menjalankan perniagaan adalah warga emas,” jelasnya yang berasal dari suku kaum Bidayah.

Menurut Joekasi, usaha penduduk untuk memperkenalkan kampung mereka sebagai lokasi pelancongan bermula pada 2016 apabila kampung mereka terjejas akibat pembinaan Empangan Bengoh pada 2007.

Mereka menggunakan media sosial untuk tujuan promosi dan menerima banyak maklum balas positif daripada pelancong yang berkunjung ke kawasan berkenaan.

Menurutnya, selain tanah yang subur, penduduk kampung kini mampu memperoleh pendapatan sampingan kerana menerusi internet, semakin ramai yang mula mengenali kampung mereka dan menjadikan Empangan Bengoh sebagai antara destinasi pilihan apabila melawat Kuching.


Bapa kepada empat orang anak

yang juga menyediakan perkhidmatan bot sewa dan inap desa itu berkata, penduduk kampung menggunakan pancang buluh untuk menandakan laluan mendaki dan membina jambatan bagi memudahkan menyeberangi sungai.

Sepanjang laluan mendaki, terdapat air terjun seperti Air Terjun Curtain, Air Terjun Pe'an dan paling jauh ialah Air Terjun Susung. Perjalanan untuk sampai ke lokasi air terjun dari pintu masuk kampung mengambil masa sejam untuk jarak sejauh 1.5 kilometer.

Pengunjung juga boleh memilih untuk singgah di Kampung Sting yang terletak di atas Bukit Butah (Banjaran Bengoh) yang turut menyediakan kemudahan inap desa bagi menikmati panorama Empangan Bengoh daripada lokasi atas bukit itu.

“Penduduk Kampung Sting menanam banyak pokok buah seperti jambu, durian, rambutan dan nanas. Pengunjung boleh menikmati buah-buahan ini secara percuma tetapi musim buah biasanya pada bulan November atau Disember,” ujar Joekasi. - *Bernama*



Penduduk kampung menggunakan pancang buluh untuk menandakan laluan mendaki di Banjaran Bengoh, Padawan, Sarawak.